

Suri rumah perlu berani ceburi dunia perniagaan

GOLONGAN suri rumah disarankan mengambil kesempatan di sebalik perkembangan teknologi untuk bergiat secara aktif dalam dunia perniagaan yang dapat menjana pendapatan tambahan, sekali gus mampu meningkatkan taraf ekonomi keluarga mereka.

Pensyarah Fakulti Ekonomi dan Pengurusan Universiti Putra Malaysia, Prof. Dr. Azmawani Abd. Rahman berkata, suri rumah perlu keluar daripada kepompong dan menceburi dunia perniagaan.

Jelasnya, mereka boleh

menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan bagi menambah pendapatan keluarga.

“Perkembangan dalam bidang teknologi termasuk internet membolehkan suri rumah memasarkan produk-produk mereka secara berkesan terutamanya yang mengusahakan perniagaan online.

“Mereka tidak perlu lagi bersusah payah untuk menghantar barangan yang dijual kerana mereka boleh menggunakan



AZMAWANI

perkhidmatan penghantaran barang yang disediakan oleh syarikat-syarikat tertentu,” katanya.

Azmawani menambah, masyarakat di negara ini semakin mempercayai perniagaan secara online dan suri rumah yang mengusahakan perniagaan

itu harus mengambil peluang tersebut.

Dalam pada itu, Azmawani menjelaskan, hobi juga boleh menjadi salah satu medium untuk

menjana pendapatan.

“Misalnya, jika seseorang suri rumah itu memiliki hobi membuat kek, mengubah bunga dan sebagainya, ia boleh dijadikan satu perniagaan secara kecil-kecilan.

Selain itu, suri rumah juga tidak perlu bimbang jika tidak mempunyai pengalaman dalam perniagaan.

Ini kerana mereka boleh mendapatkan khidmat nasihat dan bimbingan daripada pelbagai agensi kerajaan jika berhasrat untuk berbuat demikian.